

AL-HIKMAH

Jilid	9	ISSN 1985-6822	2017
No.	2		1439

- CABARAN BAGI GOLONGAN OKU PENGLIHATAN DALAM MELAKSANAKAN IBADAH SOLAT...3-15
Nurul Asmak Liana Bakar
- HIDUP BERKELUARGA MELALUI DIDIKAN AMALAN Q-ROHANI (AFEKTIF): SATU PENDEKATAN FUZZY DELPHI...16-31
Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Abdul Muqsih Ahmad, Nurulrabihah Mat Noh
- TAUBAT PENAGIH DAN PENERIMAAN KOMUNITI: KAJIAN KES DI BAITUL CAKNA TERENGGANU ...32-40
Ahmad Tarmizi Yusof, Mohd Safri Ali, Wan Hishamudin Wan Jusoh, Berhanundin Abdullah, Abdul Wahab Ali
- KEPENTINGAN KEROHANIAN DALAM MENANGANI PESAKIT KANSER WANITA MENURUT ISLAM ...41-56
Nora Ahmad @ Aziz, A'dawiyah Ismail, Salasiah Hanim Hamjah
- CIRI-CIRI GPI PROFESIONAL BERASASKAN RIADHAH RUHIYYAH MENURUT PANDANGAN AL-GHAZALI: ANALISIS KANDUNGAN BAB ADAB TERHADAP GURU DALAM KITAB IHYA ULUM AL-DIN ...57-77
Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin
- ISU-ISU DAKWAH DALAM TAFSIR AL-QUR'AN AL-KARIM ...78-86
Nadzrah Ahmad, Sohirin M Solihin, Ahmad Nabil Amir
- TAZKIYAT AL-NAFS DALAM KERANGKA MAQASID AL-SHARIAH ...87-98
Abu Dardaa Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abd Ghani
- PEMELIHARAAN HARTA: ANALISIS MENURUT DIWAN IMAM SHAFTI ...99-112
Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abd Ghani, Najihah Abd. Wahid
- IDENTIFIKASI IDENTITI BISEKSUAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN ASPEK SOKONGAN SOSIAL DAN KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN INDIVIDU BISEKSUAL DI MELAKA... 113-130
Suhaya Deraman, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Anis Nor Amelia Nor Asikin & Izzah Nur Aida Zur Raffar
- PENERAPAN FIQH AWLAWIYYAT DALAM DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU... 131-140
Mohamad Zulkifli Abd Ghani, Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Anuar Puteh, Abdul Ghafar Don
- TEORI KEPIMPINAN DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT DALAM TERMA KEPIMPINAN TRANSFORMASI... 141-153
Nor Anisah Abu Hanipah, Razaleigh Muhamat@Kawangit
- PERSEPSI KHATIB TERHADAP SENI RETORIK DALAM TEKS KHUTBAH JUMAAT JAWI... 154-166
Mohd Azizon Noordin, Zulkefli Haji Aini
- PERLAKSANAAN HISBAH DI MALAYSIA PADA MASA KINI: PERKEMBANGAN DAN HALANGAN... 167-185
Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Wan Alyati Wan Zakaria, Kamaruddin Salleh

• 204-186 ... رحمت الله الهندي الكيرانوي وكتابه إظهار الحق: النقد الإسلامي للعهد القديم والجديد

عبد الكبير حسين صالح

Al-Hikmah 9(2) 2017: 131-140

Penerapan Fiqh Awlawiyat dalam Dakwah kepada Saudara Baru

Application of Fiqh Awlawiyat on Dakwah to the Mualaf

MOHAMAD ZULKIFLI ABDUL GHANI*
KHAZRI OSMAN
AHMAD IRDHA MOKHTAR
ANUAR PUTEH
ABDUL GHAFAR DON

ABSTRAK

Islam ialah agama milik semua manusia tanpa mengira bangsa, warna kulit dan budaya. Umat Islam perlu memainkan peranan utama dalam menyampaikan dakwah kepada orang bukan Islam dengan cara terbaik. Mereka yang berjinak-jinak dengan Islam dan memeluk agama Islam perlu diberi perhatian yang sewajarnya dalam memantapkan kefahaman mereka terhadap Islam. Manakala bagi mereka yang belum menerima Islam juga tidak dipinggirkan bahkan perlu diberi perhatian dengan memberi penerangan yang jelas tentang Islam. Kajian ini akan memberi penumpuan khusus kepada aplikasi dakwah kepada saudara baru dari perspektif *fiqh awlawiyat*. Berdakwah merupakan kewajipan umat Islam dan wajar dilaksanakan dengan mengutamakan kaedah yang berkesan mengikut kepada sasaran. Antara salah satu pendekatan yang boleh digunakan dalam melaksanakan tugas dakwah kepada saudara baru ialah melalui *fiqh awlawiyat*.

Kata kunci: *Awlawiyat, keutamaan, mualaf, dakwah, saudara baru*

PENGENALAN

Islam agama milik semua manusia tanpa mengira bangsa, warna kulit dan budaya. Umat Islam berperanan dalam menyampaikan dakwah kepada orang bukan Islam dengan cara yang terbaik. Orang yang berjinak-jinak dengan Islam dan baru memeluk Islam sewajarnya diberikan perhatian demi memantapkan kefahaman mereka. Golongan yang belum menerima Islam pula seharusnya diberikan perhatian serta penerangan yang jelas kerana semua manusia mempunyai hak yang sama untuk menerima dakwah selaras dengan dasar Islam sebagai agama rahmat.

Kajian ini memfokuskan terhadap aplikasi dakwah kepada saudara baru dari perspektif *fiqh awlawiyyat* (keutamaan), kerana penyampaian dakwah wajar dilaksanakan dengan mengutamakan kaedah yang berkesan berdasarkan keperluan sasaran.

DEFINISI FIQH AWLAWIYYAT

Fiqh awlawiyyat atau konsep susunan keutamaan merupakan konsep yang telah lama wujud dalam Islam. Konsep ini diperkenalkan semula secara oleh Yusuf al-Qaradawi melalui karya beliau *Fi Fiqh al-Awlawiyyat Dirasah Jadidah fi Dhaw al-Quran wa al-Sunah* (Othman 2009). Beliau memberikan contoh dan membahagikan *awlawiyat* kepada beberapa bidang, antaranya ialah fardu kifayah dalam bidang ilmu, bidang *hisbah*, *tasyri'*, dakwah dan tarbiah. (Zulkifli Hasan 2012). Kefahaman *fiqh awlawiyyat* mewajarkan individu mengetahui perkara yang mesti didahulukan apabila melaksanakan *fiqh al-hayah*. Melalui kaedah ini individu tidak mengemudiankan perkara yang sepatutnya didahulukan dan tidak mendahulukan perkara yang sepatutnya dikemudiankan. Kefahaman ini juga menyebabkan usaha perlu ditumpukan ke arah sesuatu berbanding yang lain (Rumaizuddin 2003). *Fiqh awlawiyat* merupakan gabungan '*fiqh*' dan '*awlawiyat*'. *Fiqh* bermaksud faham yang juga didefinisikan oleh ahli fiqah sebagai satu kefahaman yang dikurniakan oleh Allah SWT sebagai satu syarat untuk mencapai tahap kesempurnaan kebaikan dan petunjuk. *Awlawiyat* pula adalah kata jamak daripada '*awla*' iaitu yang paling baik, paling sesuai, paling utama seperti yang disebut di dalam kamus-kamus bahasa. Gabungan dua perkataan ini menatijahkan definisi lebih lengkap iaitu, meletakkan sesuatu pada kedudukannya, tidak mengemudiankan perkara yang sepatutnya didahulukan ataupun membesarkan perkara yang kecil dan sebaliknya (Ahmad 2015). Oleh yang demikian, *fiqh awlawiyyat* adalah istilah yang merujuk kepada panduan atau kaedah ke arah memahami perkara-perkara yang lebih utama dalam agama (Fahmi 2010). Selain itu juga, *fiqh awlawiyat* merupakan kaedah meletakkan sesuatu dari hukum-hakam, nilai-nilai dan kerja-kerja pada tempatnya dengan adil berdasarkan norma-norma dan piawaian-piawaian syariat Islam yang betul (Othman 2009). Firman Allah SWT yang bermaksud:

*Dan Dia mengangkat langit serta meletakkan piawaian.
Janganlah keterlaluan dan janganlah juga mengurang dalam*

melaksanakan piawaian itu dan laksanakan piawaian itu dengan betul dan adil.

(Al-Quran, al-Rahman 55: 7-9)

Ilmu memahami keutamaan ini adalah sangat penting bukan sahaja kepada fuqaha atau ulama ianya juga penting kepada setiap individu dan institusi termasuk kerajaan. Dalam konteks individu, *fiqh awlawiyat* boleh dijadikan panduan untuk membuat sesuatu keputusan. Bagi institusi atau kerajaan, pendekatan ini perlu dijadikan asas sebelum membuat sebarang keputusan dan dasar serta polisi sesebuah negara dan institusi.

DEFINISI SAUDARA BARU

Saudara baru merujuk kepada mereka yang baru terpikat dengan Islam sama ada saudara baru Cina, saudara baru India atau lain-lain masyarakat dirujuk dan diistilahkan sebagai ‘mualaf’. Menurut Anuar Puteh (2005), saudara baru merupakan mereka yang telah melafazkan kalimah syahadah dan golongan Muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkeelayakan. Dalam mazhab Shafi’i, terdapat empat golongan mualaf, iaitu; orang yang baru memeluk Islam dan imannya masih lemah. Kedua, orang Islam berpengaruh yang diharapkan dapat menarik kaumnya memeluk Islam. Ketiga, orang Islam yang berpengaruh terhadap orang kafir yang mampu menghindarkan Muslimin daripada kejahatan mereka. Keempat, orang yang menolak kejahatan orang anti zakat (Abdul Mujieb et al. 1997: 221). Menurut Dusuki Haji Ahmad (1980), mualaf ialah orang yang baru memeluk agama Islam, imannya perlu diteguhkan serta berhak menerima sebahagian tertentu daripada harta zakat. Secara ikhtisar, saudara baru ialah orang yang dijinakkan hatinya untuk menerima Islam dan telah melafazkan dua kalimah syahadah.

PRINSIP ASAS DALAM *FIQH AL-AWLAWIYAT*

Pelaksanaan dakwah kepada sudara baru memerlukan kebijaksanaan pendakwah dalam menyusun keutamaan. Pendakwah yang berjaya adalah mereka yang dapat menyusun keutamaan dalam penyampaian dan pelaksanaan terutama kepada mereka yang baru kembali kepada agama Islam. *Fiqh awlawiyyat* yang dimaksudkan adalah ilmu dan pemahaman dalam meletakkan sesuatu pada peringkat dan tangga yang sebenar, sesuai dengan pertimbangan ilmu, keadilan, hukum hakam, akhlak, keadaan semasa dan keadaan setempat. Segala-galanya mesti diletakkan secara adil menurut syariat Islam tanpa pengabaian atau kerugian pada sebarang bahagian. Antara prinsip asas dalam *fiqh awlawiyyat* yang wajar dipatuhi

ialah termasuklah; mendahulukan maslahat (kepentingan) agama dari maslahat diri sendiri dan duniawi, mendahulukan yang wajib daripada yang sunat, mendahulukan maslahat organisasi dari maslahat individu, menolak mafsadah didahulukan daripada meraih maslahat, memilih mudarat yang paling ringan jika berlaku pertembungan antara dua mudarat, mendahulukan yang paling penting daripada yang penting, tidak penting atau kurang penting, dan mendahulukan penghayatan diri sebelum menyeru orang lain. Dalam *fiqh awlawiyyat* juga, perkara *daruriyyat* wajar didahulukan berbanding *hajiyyat* kemudian diikuti oleh *tahsiniyyat*. Perkara yang besar mesti diutamakan berbanding perkara yang kecil, perkara yang usul mengatasi perkara yang cabang, perkara yang fardu dan wajib lebih utama dari perkara yang sunat, perkara yang wajib disegerakan lebih utama daripada wajib boleh ditangguhkan. Dari aspek yang lain, perkara yang bersifat sosial atau jemaah lebih utama dari perkara yang bersifat individu dan membasmi perkara yang mungkar dan jelas haram lebih utama dari memerangi perkara makruh dan *syubhah*.

KEPENTINGAN *FIQH AL-AWLAWIYYAT* KEPADA SAUDARA BARU

Fiqh awlawiyyat penting buat saudara baru untuk memberi kefahaman Islam secara betul, tujuan syariat Islam dan cara mengamalkan Islam dalam kehidupan. Penekanan pelaksanaan Islam secara berperingkat juga penting supaya Islam yang mereka yakini menjadi amalan. Selain itu dengan memilih Islam, bermakna saudara baru telah mengutamakan maslahat dan menolak mafsadah kerana Islam ialah agama yang amat mementingkan kebaikan dalam segenap aspek. Prinsip yang diamalkan dalam *fiqh awlawiyyat* juga menyebabkan penerimaan dakwah akan menjadi lebih mudah kerana saudara baru akan dimantapkan kefahaman mereka tentang ajaran Islam agar Islam mudah diterima seterusnya diamalkan. Tambahan pula penghayatan Islam sebagai realiti kehidupan hanya akan terhasil melalui pergaulan, akhlak yang terpuji. *Fiqh awlawiyyat* juga membolehkan dakwah dilakukan secara berterusan sekalipun berdepan dengan pelbagai cabaran. Hal ini selaras dengan tujuan utama dakwah iaitu membina masyarakat yang aman dan sejahtera mengikut acuan Islam.

FIQH AWLAWIYYAT DAN SAUDARA BARU

Sebagaimana dijelaskan, *fiqh awlawiyyat* adalah diperlukan kerana nilai, hukum-hakam dan tugas amat berbeza menurut pandangan syarak, bergantung pada besar atau kecil, pokok atau ranting, bersifat wajib atau

sekadar pelengkap. Tidak kurang juga ada yang tertinggi dan ada juga yang terendah. Konsep *fiqh awlawiyat* selari dengan teori *maqasid al-syariah* atau *fiqh al-maqasid*, yang sentiasa mendasarkan bahawa Allah SWT mensyariatkan hukum-hakam untuk kemaslahatan manusia, memberi manfaat serta menghindarkan kemudaratan. Realitinya, di sebalik syariat Allah SWT terkandung rahsia tertentu dan bukan sia-sia. Secara susunannya, *maqasid* bertujuan memelihara kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Sebagai contoh, zina diharamkan demi memelihara keturunan dan nasab manusia. Arak itu ditegah untuk memelihara akal manusia (Othman 1998). Disebabkan golongan saudara baru atau disebut juga sebagai saudara kita baru berjinak-jinak dengan Islam, mereka sukar mengetahui dan membezakan Islam berdasarkan keutamaan. Pendakwah seharusnya mengaplikasikan konsep keutamaan dalam berdakwah agar saudara baru tidak akan berasa terbeban sekaligus menjaga nama baik agama Islam.

PENERAPAN *FIQH AQLAWIYAT* KEPADA SAUDARA BARU

Pelaksanaan dakwah secara menyeluruh yang mementingkan kejelasan seharusnya mengandungi tiga elemen utama; pertama manhaj atau isi, kedua wasilah, dan ketiga uslub atau persembahan isi. Ketiga-tiga unsur ini saling sokong-menyokong antara satu sama lain. Dari sudut manhaj atau isi, menurut Padzal (1997), mesej dakwah perlu disampaikan dengan mendahulukan aspek akidah berbanding syariah dan akhlak. Hal ini disebabkan keimanan adalah perkara pertama yang harus ditanam dalam diri manusia. Iman bermakna akidah yang benar, yang dapat membetulkan pandangan seseorang terhadap prinsip, perjalanan hidup dan tujuan hidup seseorang di dunia ini. Akidah yang kukuh dapat menjawab pelbagai pertanyaan yang berputar di minda bukan Islam (al-Qardawi 1996). Malah Rasulullah SAW pada permulaan dakwah baginda lebih mementingkan pembinaan ilmu dan kekuatan akidah dalam kalangan para sahabat tanpa tergesa-gesa memusnahkan patung-patung berhala di sekeliling Kaabah ketika itu (Rumaizuddin 2003). Manakala dari sudut isi kandungan, sewajarnya disampaikan dengan hikmah berdasarkan keutamaan. Bermula dengan membina hubungan baik antara pendakwah dengan golongan sasaran. Kaedah ini turut menjadi pilihan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang akan memulakan percakapan dengan non-Muslim atau mereka yang berjinak dengan Islam dengan mengatakan kita adalah bersaudara. Ungkapan ini boleh menyentuh hati mereka sehingga mereka merasakan betapa eratnya hubungan mereka dengan Muslimin menyebabkan mereka

tertarik dengan Islam. Seterusnya, membina asas kepercayaan antara pendakwah dengan golongan sasaran. Pada peringkat ini pendakwah hanya memfokuskan terhadap memberi kefahaman yang jelas tentang Islam. Peringkat terakhir, menghilangkan kesamaran dan salah faham golongan sasaran terhadap Islam lantaran ramai dalam kalangan saudara baru yang masih keliru dengan agama Islam. Antara kekeliruan yang wajar dibetulkan seperti masuk Islam tidak mengubah bangsa seseorang, tidak memutuskan silaturahim dan lebih jauh daripada itu masuk Islam bukan bermaksud masuk Melayu. Isi kandungan yang disampaikan juga boleh dikategorikan kepada tiga bentuk berdasarkan susunan berikut; manhaj *atifi*, manhaj *aqli* dan manhaj *hissi*.

Kedua, dari sudut wasilah. Saudara kita yang baru memeluk Islam berhadapan dengan pelbagai cabaran sama ada dalaman atau luaran. Keluarga agama asal akan menguatkan tekanan sehingga sampai ke tahap terputusnya hubungan kekeluargaan. Selain itu, saudara kita juga mengalami risiko kehilangan pekerjaan (Abdul Ghafar et al. 2009). Maka umat Islam perlu memainkan peranan menghulurkan bantuan sama ada dari sudut dalaman dan luaran menggunakan pendekatan dakwah *bi al-hal*, *bi al-mal*, *bi al-lisan* dan *bi al-qalam*. Dakwah *bi al-hal* terhasil melalui hubungan yang baik dan perasaan positif. Maka pendakwah seharusnya melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan dia disukai oleh golongan sasaran seperti belanja makan, panggilan yang baik serta tidak menampakkan reaksi membenci (Ali Yakub Matondang 2004). Dari segi perbuatan seharian, dakwah *bi al-hal* yang boleh dilakukan termasuklah memberi salam kepada Muslim dan mengucapkan selamat kepada orang bukan Islam, melemparkan senyuman kepada semua orang tanpa bermasam muka, memenuhi undangan perkahwinan dengan penuh adab, menziarahi jiran tetangga yang sakit dan meninggal dunia, melazimkan sifat ikhlas, bertanggungjawab, adil, jujur, bertolak-ansur dan tolong-menolong. Persahabatan dihulurkan dengan cara baik, ditambah lagi dengan sikap ramah mesra terhadap orang asli, saudara seagama, pesakit hospital, golongan OKU, warga tua, pelatih pusat serenti, penghuni institusi-institusi tahanan serta pusat perlindungan dan pemulihan. Teladan yang baik juga wajar ditunjukkan melalui tutur kata yang lemah lembut. Sikap yang baik bukan sekadar sesama manusia, bahkan meliputi haiwan, alam dan lain-lain. Islam mementingkan dakwah *bi al-mal* kerana golongan saudara memerlukan bantuan kewangan. Islam juga menyenaraikan muafak sebagai salah satu golongan asnaf. Sementara itu, dakwah *bi al-lisan* boleh dilakukan dengan cara melantik individu tertentu sebagai penjelas untuk setiap persoalan yang diperlukan oleh saudara baru. Fungsi ini sama sebagaimana dilakukan oleh penggerak yang menjadi

rujukan di penempatan orang asli. Dakwah *bi al-qalam* juga tidak boleh dikesampingkan peranannya. Pendakwah boleh menyediakan bahan bercetak seperti buku, buletin, risalah dan sebagainya untuk saudara baru. Termasuk juga dalam kategori ini penulisan melalui laman sesawang, blog dan sebagainya, yang kesemuanya mengandungi dakwah berkaitan keindahan Islam. Peranan ini boleh dilakukan oleh individu atau NGO dan juga badan kerajaan.

Ketiga, dari aspek uslub atau persembahan isi, pendakwah digalakkan mencari persamaan dan mengelakkan perbezaan, kerana persamaan akan menjadikan kebaikan lebih mudah dicapai. Persesuaian boleh berlaku dalam amalan kehidupan yang tidak bercanggah dengan Islam seperti hobi, makanan kegemaran, pakaian dan sebagainya. Persesuaian yang ada diperkukuhkan oleh kerjasama dengan golongan sasaran yang mempunyai hobi yang sama melalui perbincangan berfokus yang turut diselitkan dengan pemahaman tentang Islam. Dalam mencari persamaan, ketidaksamaan juga tidak dapat dielakkan. Misalnya, cara pemakaian, pemakanan dan percakapan. Pendakwah perlu memelihara sensitiviti bangsa dan budaya. Jika mengadakan kenduri, perlu disediakan makanan yang sesuai untuk saudara baru sesuai dengan tradisi.

Konsep keutamaan turut merangkumi uslub yang mudah dan terang serta mementingkan keringanan dan kelonggaran. Seseorang ilmuwan mungkin mengeluarkan pandangan yang lebih berhati-hati kepada golongan yang kuat beragama, tabah dan warak. Pada masa yang sama pendapat yang dikeluarkan dan disebarkan kepada orang awam termasuk bukan Islam lebih ringan, seiring pendekatan yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW. Baginda tidak memberatkan mereka dengan bebanan yang justeru hanya mendedahkan kewajipan-kewajipan asas agama. Sedia diketahui, kebanyakan saudara kita mempunyai pengetahuan agama yang belum mantap. Oleh yang demikian, pendakwah tidak perlu mengemukakan permasalahan yang pelik-pelik, perbandingan antara mazhab apatah lagi perbandingan agama bagi menghindarkan keraguan. Sesuatu permasalahan itu perlu diterangkan secara terus berdasarkan pandangan yang kuat tanpa dibandingkan dengan pendapat-pendapat lain. Tidak perlu menyebut nama mazhab tertentu bahkan memadai dengan firman Allah SWT dan Rasul-Nya sahaja. Akan tetapi jika ada pertanyaan, pendakwah boleh menyatakan perbezaan pendapat, tanpa menjawabnya di hadapan khalayak umum bagi mengelakkan tanda tanya kelompok sebahagian besar kelompok sasaran. Untuk merealisasikan pendekatan yang mudah kepada saudara baru, secara ringkasnya golongan ini memerlukan; huraian yang jelas secara berperingkat yang boleh menjinakkan. Sebarang suruhan atau larangan perlu

disertakan dengan penjelasan yang bersesuaian dengan keadaan sasaran. Untuk itu, pendakwah seharusnya membuat perubahan bermula dengan diri sendiri terlebih dahulu sebelum pembinaan masyarakat atau disebut sebagai revolusi diri sebelum melakukan revolusi sistem dan institusi (al-Qardawi 1996). Secara praktikalnya juga pendakwah perlu memfokuskan kepada individu-individu tertentu dahulu sebelum menyebarkan dakwah kepada masyarakat setempat. Menurut Yusoff Zaky (2000), Allah SWT tidak mengubah sesuatu nikmat, penderitaan, kemuliaan, penderitaan atau kehinaan sesuatu kaum melainkan manusia itu sendiri yang mengubah perasaan, amalan, dan realiti hidupnya. Setelah proses ini dilakukan, barulah Allah SWT akan mengubah keadaan mereka mengikut perubahan yang dibuat oleh diri dan amalan mereka.

Konsep keutamaan juga meliputi pelaksanaan secara berperingkat kerana prinsip mengubah secara berperingkat sesuai dengan kaedah penciptaan makhluk oleh Allah SWT. Selain itu, perintah dan larangan-Nya juga mematuhi kaedah perundangan Islam melalui perintah solat, puasa dan kewajipan-kewajipan lain termasuk pengharaman sesuatu. Contoh paling jelas ialah pengharaman arak yang dilakukan secara berperingkat. Peraturan Ilahi dalam meraikan perubahan secara berperingkat harus menjadi ikutan pendakwah untuk menguatkuasakan ajaran Islam, lebih-lebih lagi pada zaman Islam diserang dari segi kebudayaan, perundangan dan kemasyarakatan. Untuk membangunkan sebuah masyarakat Islam orang asli yang sejati, pendakwah tidak boleh berkhayal bahawa matlamat itu akan menjadi kenyataan dengan hanya sebatang pen atau dengan keputusan pemerintah. Pendakwah perlu menyediakan sasarannya dari sudut pemikiran, psikologi, moral dan sosial serta mencari jalan untuk mereka meninggalkan perkara batil yang telah diamalkan sekian lama.

Perubahan secara berperingkat bukan bertujuan untuk melengahkan penguatkuasaan hukum syarak atau memperalatkan perkataan berperingkat demi membantutkan desakan umat supaya dilaksanakan hukum Allah SWT. Apa yang dikehendaki ialah strategi dan matlamat yang diperhalusi secara terancang sehingga sampai ke tahap yang dikehendaki iaitu pelaksanaan Islam secara menyeluruh. Pendekatan yang sama diambil oleh Nabi Muhammad SAW untuk mengubah kehidupan jahiliah kepada kehidupan Islam. Maka dakwah terhadap orang asli yang juga bukan berasal memerlukan metode yang sama. Kaedah ini penting untuk memastikan sesuatu hukum itu mencapai *maqasidnya*. *Maqasid* tidak akan tercapai tanpa meraikan masa dan keadaan masyarakat yang masih belum dapat menerima sesuatu hukum. Ali Yaakub Matondang et al. (2006) berpendapat, pendekatan secara berperingkat kepada saudara baru terhasil dalam bentuk

taui'yah (kesedaran), *irsyad* (bimbingan), *himayah* (perlindungan) dan *tanmiyah* (pembangunan). Melalui *taui'yah*, pendakwah perlu menyedarkan golongan sasaran. Kerja dakwah akan lebih bertenaga dan efektif apabila mereka memiliki kesedaran yang jelas. *Irsyad* menjadikan pendakwah sebagai pembimbing kepada golongan sasaran, untuk memelihara mereka kesesatan serta mampu mendepani rintangan. Himayah memerlukan keterlibatan pendakwah untuk melindungi golongan sasaran daripada segala bentuk kezaliman, melalui penerapan nilai-nilai murni agar tingkah laku mereka tidak menyimpang. Untuk merealisasikan *tanmiyah*, pendakwah harus membangun dan mengembangkan kehidupan sasaran dakwah ke arah kemajuan, kecemerlangan dan kebahagiaan.

KESIMPULAN

Konsep dakwah harus difahami dengan lebih luas. Para pendakwah hari ini perlu mempelbagaikan cara penyampaian bagi menarik minat masyarakat terutamanya golongan yang baru mengenali Islam. Pendakwah juga perlu faham bahawa dakwah bertujuan merapatkan manusia dengan Allah SWT. Dekat atau jauhnya golongan sasaran dengan Allah SWT bergantung pada hubungan pendakwah dengan Yang Maha Pencipta. Tidak mungkin pendakwah boleh melahirkan manusia yang sentiasa tunduk dan patuh kepada ajaran Islam jika dia sendiri tidak mengamalkan tuntutan Islam. Masyarakat Islam perlu berperanan secara hikmah menyampaikan dakwah kepada golongan bukan Islam termasuklah saudara baru. Ramai dalam kalangan mereka yang mempunyai pandangan negatif terhadap Islam lantaran belum mengenali Islam secara lebih mendalam. Oleh hal yang demikian, pendakwah memegang peranan menyampaikan dakwah Islamiah kepada mereka agar tanggapan tersebut berubah. Selain itu, pendakwah harus mengemukakan suatu gagasan yang bertunjangkan *fiqh awlawiyat* untuk menjayakan perkembangan dakwah di Malaysia. Bukan sekadar itu, pendakwah juga perlu mengemukakan alternatif terbaik dari sudut dalam perkara pengisian agar matlamat sebenar berdakwah dapat dijayakan. Pendek kata, pendakwah kini wajib menguasai sepenuhnya ilmu pengetahuan serta isu semasa yang memampukan mereka mendidik golongan sasaran dengan baik tanpa ada rasa tergugat dengan permasalahan dan persoalan yang bakal timbul.

RUJUKAN

Al-Quran

- Abdul Ghafar, Burhanuddin & Zulkiplie. 1998. *Dakwah Dan Pengurusan Islam di Malaysia Konsep Metode & Pengalaman*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akhmal Hj. Mhd. Zain. 2001. *Bimbingan Berdakwah: Pendekatan yang Berkesan di Alaf Baru*. Kuala Lumpur. Darulfikir Sdn. Bhd.
- Ahmad, Nasir Muhammad. 2015. *Fiqh al-Awlawiyyat*. <http://alahmad.com/view/728> (24 May 2016).
- Fahmi bin Abdul Khir. 2010. Fiqh al-Awlawiyyat, Konsep serta Aplikasi Masakini. *Kertas Kerja Seminar Fiqh al-Awlawiyyat (Keutamaan dalam Mendepani Isu Semasa Umat Islam)*. Auditorium Intim, Masjid Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak DarulRidzuan. 10 April.
- Ibnu Ismail. 2007. *Panduan Asas Fardhu Ain*. Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- JAKIM. 2001. *Fardhu Kifayah dalam Konteks Pembangunan Ummah*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Mohd Amin Abdul Rahim. 2010. *Panduan Pendakwah Secara Praktikal*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Othman Hj. Talib. 1998. Dakwah kepada non-muslim berlandaskan fiqh aulawiat: Satu ulasan. *Dakwah kepada non-muslim di Malaysia: Konsep, metode dan pengalaman*, Hlm. 39-46.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 1996. *Fi fiqh al-awlawiyat: Dirasah Jadidah fi daw al Quran wa al Sunnah*. (terj.) Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Ramli Awang. 2012. *Pemikiran Islam: Aliran dan Gagasan*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Yusoff Zaky Haji Yacob. 2000. *Tafsir fi Zilalil Qur'an*. Jil. 9. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Zulkifli Hasan. 2012. Yusuf Al Qaradhawi 'Mujaddid' Kontemporari Dan Sumbangan Pemikirannya. *Kertas Kerja Muktamar Sanawi ABIM ke-41, 2012M/1433H*. Auditorium Abu Zarim, ILSAS, UNITEN. 29 - 30 September.

*Mohamad Zulkifli Abdul Ghani
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor.